A

Tengku Ahmad Hanif bin Tuan Par lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (KOTA BHARU) — RAYUAN JENAYAH NO 42S-36–12 TAHUN 2015

B AHMAD BACHE PK

26 MAC 2017

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman C *— Tertuduh dituduh melakukan dua kesalahan merogol mangsa bawah umur yang boleh dihukum di bawah s 376(1) Kanun Keseksaan — Hakim bicara mensabitkan tertuduh bersalah dan menjatuhkan hukuman penjara 13 tahun ke atas tertuduh — Sama ada terdapat 'penile penetration' — Sama ada mangsa berumur bawah 16 tahun semasa kejadian — Sama ada mangsa seorang saksi* D *'credible' — Sama ada keterangan mangsa disokong oleh keterangan sokongan — Sama ada kes prima facie dibuktikan — Sama ada tertuduh berjaya menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan — Sama ada pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah — Sama ada hakim bicara telah mengambil kira prinsip-prinsip utama* E *mengenai penghukuman sebelum menjatuhkan hukuman — Sama ada hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara betul, tepat dan selamat — Sama ada hukuman sebatan patut dijatuhkan terhadap tertuduh*

Tertuduh dalam kes ini telah dituduh melakukan dua kesalahan merogol ke F atas seorang gadis bawah umur ('mangsa'), satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 376(1) Kanun Keseksaan. Kedua-dua kejadian rogol berlaku di bilik L 206, Bintang Square Hotel di Kota Bharu, Kelantan. Berdasarkan keterangan saksi pendakwaan iaitu mangsa, pegawai perubatan ('SP5'), kakak ipar mangsa ('SP2'), doktor pertama yang merawat mangsa ('SP1') dan abang G mangsa ('SP4'), pihak pendakwaan mendakwa tertuduh telah memasukkan zakar kedalam kemaluan mangsa dan telah berlaku kejadian rogol (melalui 'penile penetration'). Selain itu, semasa kejadian rogol berlaku, mangsa berumur bawah 16 tahun. Tertuduh dalam pembelaannya menafikan bahawa zakarnya telah memasuki kemaluan mangsa sebaliknya tertuduh menyatakan H jari-jarinya yang memasuki kemaluan mangsa untuk kedua-dua kejadian. Di akhir kes pembelaan, hakim bicara telah mendapati tertuduh bersalah dan menjatuhkan hukuman 13 tahun penjara ke atas perayu untuk tiap-tiap satu pertuduhan dan hukuman tersebut berjalan serentak. Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, tertuduh telah memfailkan rayuan terhadap I sabitan dan hukuman manakala pihak pendakwaan telah memfailkan rayuan silang terhadap hukuman supaya hukuman sebatan dikenakan juga ke atas tertuduh.

Diputuskan, menolak rayuan tertuduh, mengekalkan keputusan hakim bicara dan membenarkan rayuan silang pihak pendakwaan dengan mengenakan hukuman satu sebatan ke atas tertuduh bagi setiap pertuduhan: A

(1) Hakim bicara telah membuat dapatan fakta bahawa mangsa adalah seorang saksi yang kredibel dan boleh dipercayai. Adalah undang-undang yang mantap bahawa mahkamah semasa yang mendengar rayuan tidak wajar mengganggu dapatan hakim bicara kerana beliau mempunyai kelebihan *audio visual* yang mana beliau dapat melihat dan menilai *demeanour* mangsa semasa mangsa memberi keterangan (lihat perenggan 26). B C

(2) Mangsa menerusi keterangannya telah menerangkan secara terperinci tentang wujudnya *penile penetration*. Keterangan mangsa semasa disoal balas adalah konsisten dengan keterangannya semasa soalan utama walaupun diasak dengan bertubi-tubi. Tambahan pula, pihak pembelaan tidak pernah mencadangkan bahawa yang memasuki kemaluan mangsa adalah jari-jari tertuduh dan bukannya zakar tertuduh. Ini bermakna, tertuduh bersetuju dengan versi mangsa bahawa kejadian rogol memang berlaku. Mahkamah juga bersetuju dengan hakim bicara bahawa mangsa adalah seorang saksi yang kredibel, jujur dan bercakap benar. Keterangan mangsa adalah kukuh dan amat *probable* dan *unusually convincing*. Justeru, keterangan mangsa boleh berdiri dengan sendirinya tanpa perlunya keterangan sokongan (lihat perenggan 34 & 36–38). D E

(3) Inti pati bahawa mangsa ketika kejadian adalah di bawah umur 16 tahun telah berjaya dibuktikan melalui keterangan saksi SP8 iaitu Penolong Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara, Kelantan yang telah mengesahkan bahawa mangsa dilahirkan pada 27 Januari 1999 iaitu mangsa berumur bawah 16 tahun semasa kejadian. Pihak pembelaan tidak mempertikaikan perkara tersebut kerana SP8 tidak disoal balas (lihat perenggan 39). F G

(4) Mahkamah telah memutuskan bahawa keterangan mangsa boleh berdiri dengan sendirinya, tanpa keterangan sokongan. Namun, dalam kes ini, keterangan mangsa turut disokong oleh keterangan-keterangan sokongan yang banyak antaranya: (a) keterangan SP5 yang mengesahkan terdapat koyakan lama pada selaput dara yang disebabkan oleh tusukan objek tumpul seperti *penis* lelaki; (b) keterangan SP2 yang merupakan orang pertama yang diberitahu mengenai kejadian rogol tersebut; (c) keterangan SP1 yang menyatakan bahawa mangsa memberitahunya bahawa mangsa dirogol oleh kawan yang dikenalinya di sebuah hotel; dan (d) keterangan SP4 dan disokong oleh laporan polis yang dibuatnya yang mengesahkan kejadian rogol tersebut berlaku terhadap H I

mangsa (lihat perenggan 44–47).

(5) Berdasarkan keterangan utama dari saksi mangsa sendiri beserta dengan keterangan-keterangan sokongan, mahkamah bersetuju dengan dapatan hakim bicara bahawa di atas penelitian dan penganalisaan maksima, pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie (lihat perenggan 51).

(6) Berdasarkan dapatan mahkamah bahawa mangsa adalah saksi yang kredibel, keterangan tertuduh bahawa tidak wujudnya *penile penetration* adalah tidak benar dan tidak boleh diterima akal. Mahkamah mendapati bahawa pembelaan tertuduh adalah penafian semata-mata. Di akhir kes pembelaan, di atas penilaian maksima, mahkamah bersetuju dengan dapatan hakim bicara bahawa pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan, dan pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah (lihat perenggan 57 & 60).

(7) Dalam menjatuhkan hukuman ke atas tertuduh, hakim bicara telah mengambil kira bahawa kepentingan awam wajar diberikan keutamaan melebihi kepentingan tertuduh. Hakim bicara mengambil kira bahawa mangsa seorang yang naif kerana di bawah umur, kesalahan ini adalah kesalahan yang serius dan juga kesalahan begini adalah berleluasa sekarang. Hakim bicara tidak tersilap kerana telah mengambil kira mitigasi tertuduh khususnya bahawa ini merupakan kesalahan pertamanya. Berdasarkan prinsip-prinsip di atas dan trend hukuman semasa, mahkamah tidak mempunyai sebab untuk mengganggu dapatan hakim bicara mengenai hukuman penjara kerana keputusan tersebut adalah betul, tepat dan selamat (lihat perenggan 68–70).

(8) Dalam kes ini, walaupun kekerasan tidak digunakan dan hukuman sebatan adalah tidak mandatori, namun mahkamah masih ada budi bicara untuk mengenakan hukuman sebatan tersebut, bergantung kepada keadaan kes. Berdasarkan keadaan dan fakta kes, mahkamah bersetuju bahawa sebatan perlu dikenakan walaupun nominal untuk melambangkan keseriusan jenayah tersebut (lihat perenggan 73–74).

[English summary

The accused in this case was charged with committing two offences against an underage girl ('the victim'), punishable under s 376(1) of the Penal Code. Both rape incidents occurred at room L 206, Bintang Square Hotel, Kota Bharu, Kelantan. Based on the testimony of the prosecution witness, the victim, the medical officer ('SP5'), her sister-in-law ('SP2'), the first physician who treated the victim ('SP1') and her brother ('SP4'), the prosecution asserted that accused had inserted his penis into the victim's genitals and rape took place. In

addition, during the incident, the victim was under 16 years old. The accused, in his defence, denied that his penis had entered the victim's genitals. Instead, according to the accused, it was his fingers that were inserted into the victim's genitals during both incidents. At the end of the defence case, the trial judge found the accused guilty and sentenced him to 13 years imprisonment for each charge and the sentence was to run concurrently. Dissatisfied with the decision, the accused filed an appeal against his conviction and sentence while the prosecution filed a cross-appealed against the sentence so that the accused would be sentenced to whipping.

Held, dismissing the accused's appeal, maintaining the trial judge's decision and allowing the prosecution's cross-appeal by imposing the sentence of whipping against the accused for each charge:

(1) The trial judge made a finding of fact that the victim was a credible and reliable witness. It was trite law that the present court hearing the appeal should not interfere with the judge's hearing because he had an audio visual advantage in which he could observe and evaluate the victim's demeanor when she gave her testimonies (see para 26).

(2) The victim, through her testimony, had described in detail that there was penile penetration. The evidence of the victim during cross-examination was consistent with her testimony during the examination-in-chief even though rigorous questioning was put to her. Furthermore, the defence had never suggested it was the accused's fingers, and not his penis, that entered the victim's genitals. This meant that the accused agreed with the victim's version that the rape incident did occur. The court also agreed with the judge that the victim was a credible and honest witness and was speaking the truth. The victim's description was solid and extremely probable and unusually convincing. Hence, the victim's evidence may stand on its own without the need for corroborative evidence (see paras 34 & 36–38).

(3) The element that the victim, during the incident was under 16 years of age, was proven through testimony of the Assistant Director of National Registration Department, Kelantan ('SP8') who confirmed that the victim was born on 27 January 1999, which meant that the victim was under the age of 16 during the incident. The defence did not dispute this as SP8 was not cross-examined (see para 39).

(4) The court held that the evidence of the victim may stand by itself, without corroborative evidence. However, in this case, the evidence of the victim was corroborated by the following supporting evidence: (a) SP5's evidence confirmed that there was an old tear at the hymen caused by the stab of a blunt objects such as the male penis; (b) the evidence of SP2 being the first person to be informed of the rape incident; (c) the

A evidence of SP1 stating that the victim told him that the victim was raped by a friend he knew in a hotel; and (d) the evidence of SP4 which was supported by his police report confirming the occurrence of rape against the victim (see paras 44–47).

B (5) Based on the main evidence of the victim herself, along with other corroborative evidence, the court agreed with the judge's finding that on the maximum analysis and scrutiny, the prosecution had successfully proved a prima facie case (see para 51).

(6) Based on the court's findings that the victim was a credible witness, the C evidence of the accused that there was no penile penetration was incorrect and inconceivable. The court found that the defence of the accused was a mere denial. At the end of the defence case, on a maximum evaluation, the court agreed with the judge's finding that the defence failed to raise reasonable doubt on the prosecution's case, and the prosecution had D proven its case beyond reasonable doubt (see paras 57 & 60).

(7) In imposing a sentence against the accused, the judge had taken into account that public interest should be given priority over the interest of the accused. Taking into account that the victim was naive as she was a E minor, this offence was a serious offense and the offence of such nature is now widespread. The trial judge had not erred in taking into account the mitigation of the accused, particularly since this was his first offence. Based on the above principles and the current sentencing trend, the court had no reason to interfere with the judge's judgment on the F imprisonment sentence because His Lordship's decision was correct, accurate and safe (see paras 68–70).

(8) In this case, although there was no violence and the punishment of whipping was unwarranted, the courts still have the discretion to impose whipping, based on the circumstances of the case. Based on the G circumstances and facts of the case, the court agreed that whipping should be imposed even nominally to show the seriousness of the crime (see paras 73–74).]

Nota-nota

H Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap sabitan dan hukuman, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 42–83.

Kes-kes yang dirujuk

Adam bin Atan v PP [2008] MLJU 402; [2009] 1 CLJ 33, MR (dirujuk)
I *Andy bin Bagindah v PP* [2000] 3 MLJ 644, MR (dirujuk)
Bhandulananda Jayatilake v PP [1982] 1 MLJ 83; [1981] 1 LNS 139, MP (dirujuk)

Brabakaran v PP [1966] 1 MLJ 64, MP (dirujuk)
Chia Kim Heng Frederick v PP [1992] 1 SLR 361, MR (dirujuk)
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v PP and another appeal [2004] 3 MLJ 405; [2004] 3 CLJ 737, MP (dirujuk)
Herchun Singh & Ors v PP [1969] 2 MLJ 209, MP (dirujuk)
Karthiyayani & Anor v Lee Leong Sin & Anor [1975] 1 MLJ 119; [1974] 1 LNS 61, MP (dirujuk)
Liew Kim Yong v PP [1989] 3 MLJ 323, MR (dirujuk)
PP v Ling Tee Huah [1982] 2 MLJ 324 (dirujuk)
PP v Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256 (dirujuk)
PP v Mardai [1950] 1 MLJ 33 (dirujuk)
PP v Mohammed Liton Mohammed Syeed Mallik [2008] 5 SLR 601, MR (dirujuk)
PP v Mohd Bandar Shah bin Nordin & Anor [2008] 4 MLJ 556, MR (dirujuk)
P'ng Hun Sun v Dato' Yip Yee Foo [2013] 6 MLJ 523; [2013] 1 LNS 320, MR (dirujuk)
R v Roberts [1982] 1 All ER 609, MR (dirujuk)
R v Ball [1951] 35 Cr App Rep 164 (dirujuk)
Razi bin Amnin v PP [2010] 7 MLJ 756; [2010] 7 CLJ 771, MT (dirujuk)
Wong Swee Chin v PP [1981] 1 MLJ 212, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Keseksaan s 376(1)

Mohd Faizal Hazim bin Abdul Rahman (Mohd Ilias bersamanya) (Faizal Ikram & Co) bagi pihak perayu.
Ainul Wardah bt Shahidan (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan) bagi pihak responden.

Ahmad Bache PK:

LATAR BELAKANG

[1] Tertuduh/perayu telah dituduh melakukan dua kesalahan merogol ke atas seorang gadis bawah umur, satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 376(1) Kanun Keseksaan. Di akhir kes pembelaan, tertuduh/perayu didapati bersalah oleh hakim bicara dan dijatuhkan hukuman penjara 13 tahun untuk tiap-tiap satu pertuduhan. Hukuman berjalan serentak.

[2] Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, tertuduh/perayu telah merayu kepada mahkamah ini. Di dalam masa yang sama pendakwa raya membuat rayuan silang terhadap hukuman supaya hukuman sebatan dikenakan juga.

A **[3]** Setelah mendengar hujahan kedua-dua pihak mahkamah memutuskan untuk menolak rayuan tertuduh/perayu dan membenarkan rayuan silang pendakwa raya dengan mengenakan hukuman satu sebatan bagi setiap pertuduhan sebagai tambahan kepada hukuman penjara yang sedia ada.

B **[4]** Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, OKT/perayu merayu kepada Mahkamah Rayuan. Ini merupakan alasan kepada keputusan tersebut.

PERTUDUHAN

C **[5]** Pertuduhan terhadap OKT/perayu adalah seperti berikut:

Tuduhan Pertama

Bahawa kamu pada 14 Januari 2014 jam lebih kurang 11 malam hingga 12.30 pagi 15 Januari 2014 di bilik L 206, Bintang Square Hotel, hadapan USM, Kubang
D Kerian, dalam Daerah Kota Bharu, dalam Negeri Kelantan telah didapati merogol Hazwani Atikah binti Hassan, KPT: 990127-03-5610 berumur 15 tahun. Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 376(1) Kanun Keseksaan.

Tuduhan Pindaan Kedua

E

Bahawa kamu pada 15 Januari 2014 jam lebih kurang 4 pagi di bilik L 206, Bintang Square Hotel, hadapan USM Kubang Kerian, dalam Daerah Kota Bharu, dalam Negeri Kelantan telah didapati merogol Hazwani Atikah binti Hassan, KPT: 990127-03-5610 berumur 15 tahun. Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 376(1) Kanun Keseksaan.

F

FAKTA KES

[6] Fakta kes adalah seperti mana yang dihuraikan oleh hakim bicara seperti di ms 102–108 rekod rayuan yang mahkamah ini mengguna pakai
G seperti berikut:

[7] 'Keterangan SP7 (mangsa) telah menyatakan pada tarikh kejadian iaitu pada tarikh 14 Januari 2014, jam lebih kurang 4.30 petang beliau telah keluar
H rumah bersama OKT dengan menaiki motosikal pergi ke pantai sehingga pukul lapan malam dan selepas itu jalan-jalan di kawasan Pengkalan Chepa sehingga pukul 11 malam. Kemudian OKT ajak cari hotel di Kota Bharu dan akhirnya OKT dan SP7 telah daftar masuk di sebuah hotel bajet di Kubang Kerian'.

I

[8] Keterangan SP7 seterusnya menyatakan semasa duduk di dalam bilik hotel tersebut OKT telah ajak beliau untuk melakukan hubungan seks tetapi

mangsa telah menolak permintaan OKT. OKT kemudian menyuruh mangsa buka seluar. Pada ketika itu mangsa berada di atas katil dan OKT kemudiannya telah membuka seluar mangsa dengan menarik dan membuka terus seluar mangsa sekali dengan seluar dalam yang dipakai mangsa pada ketika itu.

[9] OKT menurut keterangan mangsa hanya memakai seluar pendek dan OKT juga telah membuka seluarnya dan tidak memakai seluar dalam dan seterusnya telah melakukan hubungan seks dengan mangsa.

[10] Keadaan posisi semasa melakukan hubungan seks adalah SP7 baring terlentang di atas katil dengan keadaan kaki terkangkang macam orang hendak bersalin, manakala OKT berada di celah kangkang mangsa yang mana kedua-dua tangan mangsa dipegang oleh OKT. OKT kemudian telah memasukkan kemaluannya ke dalam kemaluan mangsa selama lebih kurang tiga hingga empat minit dan telah keluarkan air di atas perut mangsa. Walaupun menurut mangsa beliau tidak nampak kemaluan OKT namun beliau menyatakan rasa sakit pada kemaluan dan menyatakan OKT telah menggunakan kain untuk lap airnya.

[11] Kemudian keterangan mangsa menyatakan selepas kejadian pertama itu mereka telah keluar untuk membeli makan lebih kurang satu hingga dua pagi dan telah balik hotel semula pada jam lebih kurang empat pagi. Sesampai di bilik hotel OKT sekali lagi telah mengajak mangsa untuk melakukan hubungan seks bagi kali kedua di mana sepertimana kejadian kali pertama iaitu OKT telah memasukkan kemaluannya ke dalam kemaluan mangsa selama lebih kurang 15 minit, yang mana posisi kali ini juga sama dengan posisi kejadian yang pertama. Kemudian selepas kejadian kali kedua kedua-duanya telah tidur sehingga jam lebih kurang 8.45 pagi di mana OKT dan mangsa telah daftar keluar hotel. Pada jam lebih kurang lima petang OKT telah menghantar mangsa berdekatan dengan rumah dan semasa ini ahli keluarga mangsa yang sedang kebetulan menunggu mangsa pulang telah menahan OKT dan akhirnya satu laporan polis telah dibuat iaitu Kubang Kerian Report 250/14.

[12] SP6 iaitu *receptionist* di Bintang Square Hotel tempat OKT dan mangsa menginap pada malam tersebut mengesahkan bahawa OKT ada mendaftar masuk ke hotel ini bersama seorang perempuan antara jam 9.30 malam ke 10 malam pada 14 Januari 2014.

[13] Mangsa ('SP7') dalam kes ini telah diperiksa oleh Dr Norazila bt Talib, ('SP5'). SP5 dipanggil untuk menyokong keterangan mangsa dan telah memeriksa mangsa pada 16 Januari 2014 jam lebih kurang tujuh petang. SP5

telah memeriksa di bahagian kemaluan mangsa. Hasil pemeriksaan SP5 mendapati koyakan lama pada selaput dari mangsa pada kedudukan jam tiga, empat dan lapan serta koyakan separa kedudukan jam enam. Menurut SP5, bila sudah lama agak susah untuk pastikan penyebab kepada luka ini namun begitu ianya boleh disebabkan oleh objek tumpul seperti alat kelamin lelaki.

PRINSIP UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI

[14] Prinsip undang-undang yang terpakai dalam sesuatu rayuan telah dijelaskan dalam kes *P'ng Hun Sun v Dato' Yip Yee Foo* [2013] 6 MLJ 523; [2013] 1 LNS 320 apabila Mahkamah Rayuan menyatakan:

> When the finding of the trial judge is factual, however, the fact finder's decision cannot be disturbed on appeal unless the decision of the fact finder is plainly wrong (see *China Airlines Ltd v Maltran Air Corp Sdn Bhd (formerly known as Maltran Air Services Corp Sdn Bhd) And Another Appeal* [1996] 2 MLJ 517; [1996] 3 CLJ 163); *Zaharah bt A Kadir (acting as the authorised representative of Abdul Kadir bin Ami, deceased) v Ramunia Bauxite Pte Ltd & Anor* [2012] 1 MLJ 192; [2011] 1 LNS 1015, *Kyros International Sdn Bhd v Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri* [2013] 2 MLJ 650; [2013] 3 CLJ 813; [2013] 1 LNS 1). The findings of fact of the trial judge can only be reversed when it is positively demonstrated to the appellate court that:
>
> (a) by reason of some non-direction or mis-direction or otherwise the judge erred in accepting the evidence which he or she did accept; or
>
> (b) in assessing and evaluating the evidence the judge has taken into account some matter which he or she ought not to have taken into account, or failed to take into account some matter which he or she ought to have taken into account; or
>
> (c) it unmistakenly appears from the evidence itself, or from the unsatisfactory reasons given by the judge for accepting it, that he or she cannot have taken proper advantage of his or her having seen and heard the witnesses'; or
>
> (d) in so far aside judge has relied on manner and demeanour, there are other circumstances which indicate that the evidence of the witnesses which he or she accepted is not credible, as for instance, where those witnesses have on some collateral matter deliberately given an untrue answer.

[15] Di dalam kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor and another appeal* [2004] 3 MLJ 405; [2004] 3 CLJ 737 Abdul Hamid HMP (sebagaimana beliau ketika itu) berkata di ms 418 (MLJ); ms 752 (CLJ):

> Clearly, an appellate court does not and should not put a brake and not going any further the moment it sees that the trial judge says that is his finding of facts. It should go further and examine the evidence and the circumstances under which

that finding is made to see whether, to borrow the words of HT Ong (CJ Malaya) in *Herchun Singh*'s case there are substantial and compelling reasons for disagreeing with the finding. Otherwise, no judgment would ever be reversed on question of fact and the provision of s 87 of the CJA 1964 that an appeal may lie not only on a question of law but also on a question of fact or on a question of mixed fact and law would be meaningless.

(Lihat juga kes *Mahmad Bidin lwn PP* [2016] 2 CLJ 123; *Jagatheesan s/o Krishnasamy v PP* [2006] 4 SLR 45; *Yap Giau Beng Terence v PP* [1998] 3 SLR 656; *Sakthivel Punithavathi v PP* [2007] 2 SLR 983; *PP v Selvarajoo Ramachandran & Ors* [2005] 5 MLJ 282; [2005] 6 CLJ 114, *Sheo Swarup v King Emperor* [1934] LR 61 1A 398).

[16] Di dalam kes *P'ng Hun Sun v Dato' Yip Yee Foo* [2013] 6 MLJ 523; [2013] 1 LNS 320 Mahkamah Rayuan turut menyatakan bahawa secara khusus mengenai kes-kes rogol, di mana mahkamah juga perlu mengambil perhatian kepada perkara-perkara berikut:

(a) bahawa adalah senang untuk seseorang membuat tuduhan rogol; tetapi sukar bagi orang yang dituduh, walaupun beliau tidak bersalah, untuk membuktikan sebaliknya ('an accusation for rape can be made with ease; it is difficult for the person accused, though innocent, to disprove it');

(b) bahawa memandangkan bentuk intrinsik kesalahan rogol yang pada kebiasaannya melibatkan hanya dua orang (perogol dan mangsa), keterangan pengadu hendaklah dipertimbangkan dengan secara berhati-hati ('in view of the intrinsic nature of the crime rape where two persons are usually involved, the testimony of the complainant must be securitised with extreme caution'); dan

(c) bahawa jatuh-bangun kes pihak pendakwaan hendaklah bergantung sepenuhnya kepada meritnya sendiri, dan ia tidak boleh dibenarkan untuk mendapat kekuatan daripada kelemahan atau kecacatan dalam keterangan pihak pembelaan ('the evidence for the prosecution must stand or fall on its merits, and cannot be allowed to draw strength from the weaknesses of the evidence for the defence').

[17] Mahkamah ini sebagai mahkamah yang menjalankan bidang kuasa rayuannya telah akur dan mengguna pakai prinsip-prinsip undang-undang di atas di dalam membicarakan rayuan ini.

INTI PATI PERTUDUHAN

[18] Inti pati pertuduhan bagi kesalahan ini adalah seperti berikut:

(a) satu persetubuhan telah berlaku di mana zakar tertuduh/perayu telah

A memasuki kemaluan mangsa semasa persetubuhan tersebut ('penile penetration'); dan

(b) mangsa adalah di bawah umur ie bawah 16 tahun ketika kejadian.

B DAPATAN HAKIM BICARA

[19] Hakim bicara setelah membuat penelitian dan penganalisaan maksima terhadap keterangan saksi-saksi pendakwaan telah mendapati bahawa segala inti pati-inti pati pertuduhan telah berjaya dibuktikan dan satu kes prima facie C telah berjaya diwujudkan. Justeru itu, tertuduh/perayu perlu dipanggil untuk membela diri.

[20] Hakim bicara juga mendapati bahawa mangsa/SP7 adalah seorang gadis yang jujur dan kredibel. Di ms 116 dan 117 rekod rayuan, hakim bicara D menyatakan:

> Saya juga telah melihat tingkah laku mangsa/SP7 ketika memberi keterangan dan saya mendapati beliau adalah saksi yang jujur, berkredible dan boleh dipercayai. Tidak ada sebab untuk saya meragui keterangan mangsa/SP7 mengenai isu bagaimana beliau dirogol oleh tertuduh/perayu. Keterangan beliau jelas dan tidak E goyah walaupun disoal bertubi-tubi oleh peguam semasa pemeriksaan balas.

[21] Hakim bicara juga mendapati bahawa keterangan mangsa/SP7 adalah jelas bahawa wujudnya kemasukan zakar tertuduh/perayu ke dalam kemaluan F mangsa/SP7.

[22] Hakim bicara juga mendapati bahawa walaupun keterangan mangsa/SP7 adalah sedia kukuh, namun ianya turut disokong oleh beberapa keterangan sokongan khususnya keterangan pegawai perubatan (SP5), dan G keterangan kakak iparnya, (SP2) yang mana beliau merupakan orang pertama yang diceritakan oleh mangsa/SP7 kepadanya bahawa mangsa dirogol oleh tertuduh/perayu sebaik sahaja mangsa/SP7 dihantar pulang oleh tertuduh/perayu semasa hari kejadian.

H **[23]** Apabila pembelaan dipanggil, tertuduh/perayu telah memberi keterangan sebagai saksi secara bersumpah. Tertuduh/perayu telah menafikan bahawa wujudnya 'penile penetration'. Di dalam erti kata lain tertuduh/perayu menafikan bahawa zakarnya memasuki kemaluan mangsa/SP7. Sebaliknya I tertuduh/perayu mengatakan bahawa jari-jarinya sahaja yang memasuki kemaluan mangsa/SP7.

[24] Hakim bicara di dalam alasan penghakimannya di ms 123–124 rekod rayuan menyatakan:

Setelah membuat penialaian yang maksima keterangan yang telah dikemukakan oleh tertuduh/perayu bersama-sama keterangan yang dikemukakan semasa kes pendakwaan, mahkamah berpendapat bahawa pembelaan tertuduh/perayu adalah tidak munasabah, merupakan satu rekaan dan penafian oleh tertuduh/perayu semata-mata serta gagal untuk menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Adalah prinsip undang-undang yang mantap bahawa pembelaan penafian semata-mata tanpa keterangan lain untuk mencabar keterangan pendakwaan tidak dapat menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Rujuk kes *PP lwn Ling Tee Hueh* [1982] 2 MLJ 324**.**

PENILAIAN DAN DAPATAN MAHKAMAH INI

Prima facie

[25] Mahkamah ini setelah meneliti rekod rayuan dan setelah mendengar dan mempertimbangkan hujahan kedua-dua pihak telah berpuas hati bahawa dapatan hakim bicara adalah betul apabila mendapati bahawa kesemua inti pati pertuduhan telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Sehubungan dengan itu mahkamah ini berpuas hati bahawa satu kes prima facie telah berjaya dibuktikan.

[26] Sebelum mahkamah membuat penilaian dan penganalisaan terhadap keputusan dan alasan penghakiman hakim bicara, perlu ditekankan di sini bahawa hakim bicara telah membuat dapatan fakta bahawa mangsa/SP7 adalah seorang saksi yang kredibel dan boleh dipercayai. Keterangannya adalah amat konsisten dan kukuh. Beliau tidak goyah walaupun diasak dengan bertubi-tubi semasa disoal balas. Ini adalah dapatan fakta hakim bicara yang mana adalah undang-undang yang mantap bahawa mahkamah ini yang mendengar rayuan tidak wajar mengganggu dapatan tersebut kerana beliau mempunyai kelebihan audio visual (*audio visual advantage*) yang mana beliau dapat melihat dan menilai *demeanour* saksi ini semasa saksi ini memberi keterangan — *P'ng Hun Sun v Dato' Yip Yee Foo* [2013] 6 MLJ 523; [2013] 1 LNS 320 dan *Herchun Singh & Ors v Public Prosecutor* [1969] 2 MLJ 209.

[27] Di dalam kes *Andy bin Bagindah v Public Prosecutor* [2000] 3 MLJ 644 mahkamah menyatakan seperti berikut:

When it came to the assessment of the credibility of the witnesses, the appellate court should not interfere with the findings of the trial judge as the trial judge was a better person to assess such findings.

[28] Mahkamah ini telah meneliti keterangan-keterangan mangsa/SP7 di dalam rekod rayuan dan juga keterangan saksi-saksi sokongan lain, dan dilihat kes ini secara totaliti dan mengambil kira 'probability of the case' (*Public Prosecutor v Mohd Bandar Shah bin Nordin & Anor* [2008] 4 MLJ 556),

A mahkamah ini bersetuju dengan dapatan fakta hakim bicara ini bahawa mangsa adalah seorang saksi yang kredibel. Malahan keterangan beliau ini adalah kukuh dan boleh berdiri dengan sendirinya, tanpa perlunya keterangan sokongan. Justeru itu, mahkamah ini memutuskan bahawa dapatan fakta hakim bicara ini adalah betul mengenai kredibiliti saksi utama pendakwaan ini
B iaitu mangsa/SP7.

[29] Ke arah itu mahkamah ini sekarang akan meneliti dan menganalisa keterangan mangsa/SP7 yang telah berjaya membuktikan elemen pertama dan kedua iaitu berlakunya persetubuhan di mana zakar tertuduh/perayu telah
C memasuki kemaluan mangsa tanpa kerelaan mangsa.

[30] Kes pihak pendakwaan adalah berasaskan keterangan mangsa/SP7 yang telah memberitahu mahkamah bahawa beliau telah dirogol oleh tertuduh/perayu sebanyak dua kali pada tarikh-tarikh dan tempat seperti di
D dalam pertuduhan.

[31] Menurut mangsa/SP7, pada 14 Januari 2014, tertuduh/perayu telah datang ke rumah mangsa/SP7 dengan motosikal pada lebih kurang pukul 4.30
E petang dan membawanya keluar ke Pantai Cahaya Bulan (PCB) sehingga pukul lapan malam. Selepas itu mereka berdua pergi ke kawasan Pengkalan Chepa untuk makan. Pada kira-kira pukul 11 malam, tertuduh/perayu telah membawa mangsa/SP7 ke hotel bajet di Kubang Kerian.

F **[32]** Berikut adalah sedutan keterangan mangsa/SP7 tentang apa yang berlaku seperti mana di dalam rekod rayuan di ms 46–47 seperti berikut:

> Saya duduk dalam hotel tersebut dengan dia. Masa duduk dalam hotel itu, dia makan nasi. Dalam pukul 12.00 lebih dia paksa saya buat seks. Saya tolak. Dia paksa saya buka seluar. Masa ini saya atas katil. Masa atas katil, baju pakai, seluar
G dibuang. Seluar jeans ada tali pinggang. Dia buang tali pinggang dengan cara rentap. Seluar dia buang dia tarik dari bawah hingga dibuang terus. Saya pakai seluar dalam, seluar dalam juga dibuang. Dia juga ada atas katil. Dia pakai seluar pendek, dia buang seluar dia. Dia tidak pakai seluar dalam. Dia pakai baju. Dia bersetubuh. Saya dalam keadaan tidur melentang. Kaki saya terlentang tapi dalam
H keadaan lurus. Tangan saya dia pegang. Kedua-dua tangan saya di sebelah bahu. Hanif duduk atas saya, dekat perut saya. Duduk macam mana tak pasti. Setubuh maksud saya, memasukkan dia punya 'pelir' ke dalam 'burit' saya. Berapa lama lebih kurang 3–4 minit. Tangan Hanif masa ini pegang tangan saya. Lepas 3–4 minit dia keluarkan air atas perut saya.

I **[33]** Walaupun mangsa/SP7 tidak nampak zakar tertuduh/perayu memasuki kemaluannya, namun mangsa/SP7 sedar, tahu dan yakin bahawa

zakar tertuduh/perayulah yang memasuki kemaluannya kerana mangsa/SP7 berasa sakit.

[34] Mangsa/SP7 telah menerangkan secara terperinci tentang wujudnya 'penile penetration' seperti mana keterangan beliau di mahkamah seperti di ms 48 rekod rayuan seperti berikut:

> 'Pelir' maksud saya kemaluan lelaki.
>
> 'Burit' maksud saya kemaluan perempuan.
>
> Masa dia masuk pelir ke dalam burit saya, keadaan kaki saya terkangkang macam orang hendak bersalin. Hanif yang buat kaki saya begini.
>
> Dia angkat kaki saya.
>
> Saya tidak nampak 'pelir' dia. Saya hanya rasa sakit di kemaluan saya.
>
> Dia kemudian lap air mani atas perut saya dengan kain.

[35] Mangsa/SP7 mengesahkan bahawa selepas kejadian pertama, mereka berdua keluar hotel untuk pergi makan. Kira-kira pada pukul satu atau dua pagi pada keesokan harinya, selepas makan mereka kembali ke hotel semula dan kira-kira pukul empat pagi seterusnya mereka berdua melakukan perhubungan seks bagi kali kedua. Berikut adalah keterangan mangsa/SP7 di ms 49 rekod rayuan:

> Kami kemudian keluar makan. Masa ini lebih kurang jam 1–2 pagi.
>
> Selepas makan balik semula ke hotel dalam pukul empat pagi.
>
> Sesampai di hotel, Hanif ajak untuk buat seks untuk kali kedua.
>
> Hubungan seks untuk kali ini, terjadi macam kali pertama tadi.
>
> Bila masuk bilik, dia suruh saya buka seluar kemudian buat hubungan seks.
>
> Kali ini posisi sama. Saya kangkang kaki macam orang nak bersalin dan Hanif ada di celah kangkang saya.
>
> Dia masuk kemaluan dia dalam kemaluan saya lebih kurang 15 minit.
>
> Dia keluarkan kemaluan dia dan pakai semula seluar.

[36] Keterangan mangsa/SP7 semasa di soal balas adalah konsisten dengan keterangan beliau semasa soalan utama walaupun diasak dengan bertubi-tubi. Apa yang ketara adalah pihak pembelaan tidak pernah mencadangkan bahawa yang memasuki kemaluan mangsa/SP7 adalah jari-jari tertuduh/perayu dan bukannya zakar tertuduh/perayu. Juga tidak dicadangkan bahawa tertuduh/perayu melakukan onani (melancap) dan mengeluarkan air maninya

di atas badan mangsa/SP7, semasa soalan balas diajukan terhadap mangsa/SP7. Ini membawa makna bahawa tertuduh/perayu bersetuju dengan versi mangsa/SP7 bahawa kejadian rogol (melalui *penile penetration*) memang berlaku (lihat kes *Wong Swee Chin v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 212).

[37] Setelah meneliti keterangan mangsa/SP7, berdasarkan soalan utama, soalan balas dan soalan semula, mahkamah mendapati dan bersetuju dengan dapatan hakim bicara bahawa beliau adalah seorang saksi yang berkredibel, jujur dan bercakap benar. Keterangan beliau ini adalah kukuh dan amat *probable* dan 'unusually convincing' (lihat *Public Prosecutor v Mardai* [1950] 1 MLJ 33 dan *Public Prosecutor v Mohammed Liton Mohammed Syeed Mallik* [2008] 5 SLR 601).

[38] Apatah lagi mahkamah ini sebelum ini telah membuat dapatan fakta yang bersetuju dengan dapatan fakta hakim bicara bahawa mangsa/SP7 adalah seorang saksi yang kredibel dan bercakap benar. Justeru itu, keterangannya boleh berdiri dengan sendirinya tanpa perlunya keterangan sokongan. Malahan, Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor and another appeal* [2004] 3 MLJ 405; [2004] 3 CLJ 737 mengesahkan bahawa di dalam kes seksual, keterangan sokongan adalah tidak diperlukan. Namun, di dalam kes ini, keterangan mangsa/SP7 telah disokong oleh keterangan-keterangan sokongan yang melimpah ruah. Ini akan mahkamah sentuh sebentar nanti.

[39] Inti pati seterusnya adalah bahawa mangsa/SP7 ketika kejadian adalah di bawah umur 16 tahun. Mahkamah bersetuju dengan hakim bicara bahawa inti pati ini telah berjaya dibuktikan melalui saksi SP8, En Razili bin Awang Kechik, Penolong Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara, Kelantan yang mengesahkan bahawa mangsa/SP7 dilahirkan pada 27 Januari 1999 iaitu mangsa/SP7 berumur bawah 16 tahun semasa kejadian. Pihak pembelaan tidak mempertikaikan perkara ini kerana saksi ini tidak disoal balas.

[40] Mahkamah bersetuju dengan dapatan hakim bicara mengenai elemen ini apabila beliau berkata seperti berikut di dalam alasan penghakimannya di ms 119 rekod rayuan:

> Bagi elemen kedua yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan ialah bahawa mangsa/SP7 berumur di bawah 16 tahun semasa kejadian. Perkara ini telah dibuktikan melalui keterangan SP8 dimana menurut SP8. Berdasarkan kepada salinan sah Sijil Lahir (P7) mangsa/SP7 dilahirkan pada 27 Januari 1999. Tarikh kejadian sepertimana pertuduhan ialah 14 Januari 2016, ini bermaksa SP7 berumur 15 tahun pada tarikh kejadian. Pihak pembelaan langsung tidak menyangkal keterangan ini. Saya dengan ini putuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan SP7 berumur bawah dari 16 tahun semasa kejadian.

[41] Mahkamah ini juga telah meneliti mengenai sama ada kes pendakwaan ini adalah *probable* atau sebaliknya. Ke arah itu antara lain pendekatan mahkamah ialah untuk meneliti keterangan 'mangsa/SP7' bagaimana air mani tertuduh/perayu berada di atas perut mangsa/SP7.

[42] Menurut keterangan mangsa/SP7, selepas melakukan hubungan seks, yakni zakar tertuduh/perayu memasuki kemaluan mangsa/SP7, tertuduh/perayu telah mengeluarkan air maninya di luar kemaluan mangsa/SP7 iaitu di atas perut mangsa/SP7.

[43] Memandangkan saksi ini (mangsa/SP7) tidak dicabar atau dicadangkan semasa disoal balas bahawa air mani tertuduh/perayu tersebut keluar akibat daripada tindakan tertuduh/perayu melakukan onani (melancap) dan bukannya persetubuhan maka undang-undang mantap memutuskan bahawa versi mangsa/SP7 bahawa wujudnya persetubuhan, perlu diterima (lihat kes *Wong Swee Chin v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 212.)

Keterangan sokongan

[44] Oleh kerana mahkamah telah memutuskan bahawa keterangan mangsa/SP7 adalah kukuh, amat *probable* dan menyakinkan dan juga beliau adalah saksi yang kredibel, keterangan beliau boleh berdiri dengan sendirinya, tanpa keterangan sokongan. Namun, terdapat banyak keterangan sokongan khususnya keterangan pegawai perubatan SP5 yang membuat pemeriksaan kemaluan mangsa/SP7 yang, antara lain, mengesahkan terdapat koyakan lama pada selaput dara pada jam tiga, empat, lapan. Koyakan separa jam enam, kesan koyakan disebabkan oleh tusukan objek tumpul seperti *penis* lelaki (rekod rayuan ms 38) — laporan P4 di ms 137 (rekod rayuan). Keterangan ini mengesahkan wujudnya 'penile penetration' iaitu zakar OKT/perayu telah memasuki kemaluan mangsa/SP7. Apa pun, undang-undang mantap mengesahkan apa yang penting adalah pembuktian kemasukan zakar dan bukanya koyakan.

[45] Keterangan sokongan kedua datangnya daripada keterangan SP2 iaitu kakak ipar mangsa/SP7. SP2 merupakan orang yang pertama yang diberitahu mengenai kejadian rogol ini. Ke arah itu, mahkamah ini bersetuju dengan dapatan hakim bicara yang telah membuat dapatan fakta seperti berikut di ms 118 rekod rayuan:

> Mangsa/SP7 juga semasa ditanya oleh kakak iparnya (SP2) sebaik mangsa/SP7 dihantar pulang oleh OKT pada 15 Januari 2014 jam lebih kurang 6.30 petang. Pada ketika ini SP2 melihat SP7 dalam keadaan letih dan terus dibawa masuk ke dalam rumah oleh SP2. Apabila ditanya oleh SP2, mangsa/SP7 menceritakan bahawa beliau telah tidur dengan OKT di hotel dan melakukan hubungan seks sebanyak dua kali. Ini juga pada pendapat mahkamah merupakan keterangan yang

relevan dan juga merupakan keterangan sokongan kepada keterangan mangsa/SP7.

[46] Keterangan sokongan lain datangnya daripada SP1, iaitu Dr Nur Ainaa Farhana iaitu doktor pertama yang merawat mangsa/SP7 yang mana mengikut saksi ini, mangsa/SP7 memberitahunya bahawa mangsa/SP7 dirogol oleh kawan yang dikenalinya di sebuah hotel. Beliau telah menyediakan laporan di P1. Keterangan ini adalah konsisten dengan keterangan mangsa/SP7.

[47] Keterangan sokongan seterusnya datangnya dari keterangan abang mangsa/SP7 iaitu SP4 dan disokong oleh laporan polis yang dibuatnya di P2 (ms 134 rekod rayuan) yang mengesahkan kejadian rogol ini berlaku terhadap mangsa/SP7.

[48] Mengenai keterangan sokongan di dalam kes seksual, di dalam kes *Brabakaran v Public Prosecutor* [1966] 1 MLJ 64 Mahkamah Persekutuan menyatakan:

> Corroborative evidence is not necessarily restricted to the oral evidence of an independent witness. Corroboration can equally well be afforded *by established facts and the logic of established facts sometimes speaks even more eloquently than words.* We are of opinion that if, during the period of her elder sister's confinement, it was necessary for the girl to remain in her sister's house in order to help look after her sister's children, when the appellant's mother had to go to hospital again and the girl's services were again called for, it was more than probable that what she said was true and that she, in fact, went to assist her sister's family during the absence of the appellant's mother in hospital from April to May. (Penekanan ditambah.)

[49] Di dalam kes *Liew Kim Yong v Public Prosecutor* [1989] 3 MLJ 323 (Singapore's Court of Appeal), mahkamah menerima keterangan mangsa yang menceritakan kepada keluarganya sebagai keterangan sokongan seperti di dalam kes ini. Mahkamah memutuskan:

> When the complainant telephoned her sister on the morning of 10 June, she stated unequivocally that she had been raped, that is to say that there had been penetration. It is true that later in the day, when recounting the incident to her mother, her sister and Angela, the complainant had said that there had been pain but that she did not know if there had been penetration. That apparently surprising statement is explained by the complainant's evident reluctance to speak to her mother about the episode, illustrated by her refusal to communicate when she was seen crying by her mother at 8am.
>
> It is clear from a plain reading of s 159 of the Evidence Act 1950 that evidence of the complaint to the sister on the telephone, and then the complaint to the mother, sister and Angela was admissible as corroboration of the complainant's own evidence as to the offence. It is clear that the learned trial judge looked for corroboration and properly regarded that evidence as corroborative, that is to say as evidence which confirmed in material particulars, not only that the complainant

had been raped, but also that the appellant had raped her – see *R v Beck* [1982] 1 All ER 807. A

[50] Di dalam kes *Karthiyayani & Anor v Lee Leong Sin & Anor* [1975] 1 MLJ 119; [1974] 1 LNS 61 Mahkamah Persekutuan memutuskan: B

> In my judgment the finding of the learned judge shows that certain salient features of this aspect of the evidence were missed or were not properly appreciated. It is settled law that a person cannot corroborate himself but it would appear that s 157 of the Evidence Act 1950 enables a person to corroborate his testimony by his previous statement. The section adopts a contrary rule of English jurisprudence by enacting that a former statement of a witness is admissible to corroborate him, if the former statement is consistent with the evidence given by him in court. The rule is based on the assumption that consistency of utterance is a ground for belief in the witness's truthfulness, just as inconsistency is a ground for disbelieving him. As for myself, although the previous statement made under s 157 is admissible as corroboration, it constitutes a very weak type of corroborative evidence as it tends to defeat the object of the rule that a person cannot corroborate himself. In my opinion the nature and extent of corroboration necessary in such a case must depend on and vary according to the particular circumstances of each case. What is required is some additional evidence rendering it probable that the story of the witness is true and that it is reasonably safe to act upon it. If a witness is independent, ie, if he has no interest in the success or failure of a case and his evidence inspires confidence of the court, such evidence can be acted upon. C D E

[51] Dengan keterangan utama dari saksi mangsa/SP7 sendiri beserta dengan keterangan-keterangan sokongan, mahkamah ini bersetuju dengan dapatan hakim bicara bahawa di atas penelitian dan penganalisaan maksima, pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie. Ini juga bererti bahawa saranan peguambela bahawa hakim bicara telah terkhilaf kerana mendapati bahawa satu kes prima facie telah berjaya dibuktikan, adalah tidak benar. F G

KES PEMBELAAN

[52] Tertuduh/perayu telah memberi keterangan secara bersumpah di dalam pembelaannya. Tertuduh/perayu tidak menafikan bahawa beliau telah keluar bersama mangsa/SP7 dan berada di tempat kejadian iaitu di bilik L 206, Bintang Square Hotel pada kedua-dua waktu seperti dalam pertuduhan. H

[53] Tertuduh/perayu juga tidak menafikan keterangan mangsa/SP7 bahawa perhubungan intim berlaku di antara mereka berdua pada kedua-dua masa kejadian tetapi menafikan bahawa zakarnya telah memasuki kemaluan mangsa/SP7. Sebaliknya tertuduh/perayu menyatakan jari-jarinya yang memasuki kemaluan mangsa/SP7 untuk kedua-dua kejadian. I

[54] Menurutnya lagi, dia hanya menjolok jari-jarinya ke dalam kemaluan mangsa/SP7 dan tidak memasukkan zakarnya takut mangsa/SP7 akan mengandung. Untuk melepaskan nafsu dan berahinya, beliau melakukan onani (melancap). Air mani dilepaskan ke atas perut mangsa/SP7.

[55] Berikut adalah seduatan keterangan tertuduh/perayu di ms 70 dan ms 71 rekod rayuan:

> Saya tak pernah buka seluar dalam saya.
>
> Saya tak pernah masuk kemaluan saya dalam kemaluan dia.
>
> Saya hanya jolok jari saya ke dalam kemaluan dia.
>
> Saya ada pegang tangan dia, pegang peluk sahaja.
>
> Tangan dia hala ke arah kepala.
>
> Saya tak pecat tapi bila dia ok nampak berahi saya naik berahi dan nak masuk kemaluan saya dalam kemaluan dia tapi tak jadi sebab saya takut mengandung. Saya kemudian melancap. Air mani kena dekat perut dia.

[56] Semasa di dalam soal balas, di ms 73 rekod rayuan, antara keterangan tertuduh/perayu adalah seperti berikut:

S:	Memang kamu ada masuk kemaluan kamu ke dalam kemaluan dia
J:	Tak setuju
S:	Kamu ada duduk atas peha dia?
J:	Setuju
S:	Keadaan dia terkangkang
J:	Ya
S:	Setuju atau tidak, dalam kejadian ini kemaluan kamu tegang?
J:	Setuju
S:	Kamu masuk kemaluan kamu dalam kemaluan dia?
J:	Tak setuju

[57] Mahkamah ini setelah meneliti rekod rayuan dan hujahan kedua-dua pihak mendapati bahawa keterangan tertuduh/perayu bahawa tidak wujudnya 'penile penetration' adalah tidak benar dan tidak boleh diterima akal. Keterangan mangsa yang sebelum ini mahkamah bicara dan dipersetujui oleh mahkamah ini mendapati bahawa beliau adalah seorang saksi yang kredibel telah memberi keterangan yang terperinci, konsisten, kukuh dan dengan penuh yakin bahawa yang memasuki kemaluannya ialah zakar tertuduh/perayu dan bukannya jari-jarinya. Keterangan mangsa mengenai

perkara ini adalah 'unsually convincing' dan tidak goyah semasa disoal balas dengan jitu oleh peguambela tertuduh/perayu.

[58] Dari keterangan mangsa, mahkamah mendapati bahawa mangsa adalah amat matang untuk mengetahui apa yang memasuki kemaluannya. Tambah-tambah lagi ianya disokong oleh keterangan-keterangan sokongan sepertimana yang telah dihuraikan oleh mahkamah sebelum ini.

[59] Mahkamah ini bersetuju dengan dapatan YA PK Ahmadi Asnawi (ketika itu) di dalam kes *Razi bin Amnin v Public Prosecutor* [2010] 7 MLJ 756; [2010] 7 CLJ 771 yang mana Yang Arif mengatakan:

> Now, as far as sexual intercourse is concerned it is governed by nature. One need not be married to know what is inside and what is outside. Equally, there is no necessity of gaining experience for a woman to know whether the male's private parts or other foreign objects had entered into her private parts, as nature would have taken its own course. As an analogy if one were to close his eyes and another were to put a piece of wood into his mouth, he would know instantly that a piece of wood was put into his mouth. Likewise if an iron rod or banana or finger or hot water or stone or sand was put into his mouth he would instantly recognise what was the object that was put into his mouth even though his eyes were tightly shut. Such was human instinct and nature.

[60] Di akhir kes pembelaan, di atas penilaian maksima setelah menimbangkan kes pembelaan dan pendakwaan mahkamah bersetuju dengan dapatan hakim bicara bahawa pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan, dan pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah. Pembelaan tertuduh/perayu merupakan penafian semata-mata (lihat kes *Public Prosecutor v Ling Tee Huah* [1982] 2 MLJ 324). Tambah-tambah lagi kegagalan tertuduh/perayu untuk mencadangkan kepada mangsa/SP7 bahawa yang memasuki kemaluannya adalah jari-jari tertuduh/perayu dan bukan zakar tertuduh/perayu dan juga kegagalannya mencadangkan episod onani (melancap) kepada mangsa/SP7 melemahkan lagi kes pembelaan kerana ianya merupakan pembelaan 'afterthought' (kes *Wong Swee Chin v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 212. Hakim bicara terlepas pandang mengenai dapatan ini.

[61] Justeru itu, saranan pihak pembelaan bahawa hakim bicara telah gagal menilai versi pembelaan perayu/tertuduh dengan versi mangsa adalah tidak benar.

HUKUMAN

Dapatan hakim bicara mengenai hukuman

[62] Tertuduh/perayu telah dijatuhi hukuman penjara selama 13 tahun bagi tiap-tiap satu pertuduhan mulai tarikh hukuman. Hukuman adalah berjalan serentak. Pihak pembelaan telah merayu terhadap hukuman kerana menurutnya hukuman 13 tahun penjara adalah terlalu berat. Hakim bicara telah memberi alasan-alasan seperti berikut seperti di ms 124–125 rekod rayuan:

> Dalam menimbangkan hukuman yang setimpal dan wajar terhadap tertuduh/perayu, saya telah memberi pertimbangan kepada faktor-faktor berikut:
>
> (a) Pada masa kejadian mangsa/SP7 berumur 15 tahun dan tertuduh/perayu pula berumur 21 tahun;
>
> (b) Saya berpendapat dalam kejadian ini perhubungan seks berlaku tanpa elemen paksaan atau kekerasan kerana tidak ada apa-apa kecederaan yang dialami oleh mangsa/SP7;
>
> (c) Tertuduh/perayu telah mengambil kesempatan atas kenaifan mangsa/SP7 apabila membawa mangsa/SP7 ke bilik hotel untuk melakukan hubungan seks;
>
> (d) Kesalahan pertama tertuduh/perayu dan bekerja hanya sebagai pembantu kedai; dan
>
> Berdasarkan kepada alasan-alasan yang telah saya nyatakan di atas, saya berpendapat hukuman 13 tahun penjara bagi setiap pertuduhan yang dijatuhkan terhadap tertuduh/perayu serta berjalan secara serentak bermula dari tarikh hukuman dijatuhkan (3 Disember 2014) adalah wajar serta setimpal dengan kesalahan yang telah dilakukan.

Prinsip undang-undang mengenai hukuman

[63] Mahkamah ini telah berpandukan beberapa prinsip penghakiman di dalam mempertimbangkan rayuan mengenai hukuman. Di dalam kes *Adam bin Atan v Public Prosecutor* [2008] MLJU 402; [2009] 1 CLJ 33 khususnya di ms 36 Gopal Sri Ram, Hakim Mahkamah Rayuan (ketika itu) berkata:

> In an appeal against sentence, the initial function of this court is one of review only. The fact that each of us sitting separately or together would have imposed a lesser sentence is irrelevant. The appellant must satisfy this court that the sentencing court has either erred in principle or imposed a sentence that manifestly excessive. We find it unnecessary to cite any authority in support of this well established principle.

[64] Di dalam kes *Bhandulananda Jayatilake v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 83; [1981] 1 LNS 139, di mana Raja Azlan Shah (Ketua Hakim Negara ketika itu) telah menyatakan:

> For a discreationary judgment of this kind to be reversed by this court, *it must be shown to our satisfaction that the learned judge was embarking on some unauthorized or extraneous or irrelevant exercise of discretion*.

[65] Kepentingan awam adalah tunggak utama yang perlu diberi perhatian oleh mahkamah. Kepentingan awam perlu diutamakan melebihi kepentingan tertuduh/perayu. Rujuk kes *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256 dan *R v Ball* [1951] 35 Cr App Rep 164 yang memerlukan hukuman yang berat dan yang bersifat deteren dan pengajaran wajar diberikan.

[66] Di dalam kes *R v Roberts* [1982] 1 All ER 609, mahkamah berkata:

Rape is always a serious crime. Other than in wholly exceptional circumstances, it calls for an immediate custodial sentence ... A custodial sentence is necessary for a varietyof reasons. *First of all to mark the gravity of the offence. Second, to emphasise public disapproval. Third, to serve as a warning to others. Fourth, to punish the offender, and last, but no means least, to protect women.* The length of the sentence will depend on all the circumstances. That is a trite observation, but these in cases of rape vary widely from case to case. (Penekanan ditambah.)

[67] Di dalam kes *Chia Kim Heng Frederick v Public Prosecutor* [1992] 1 SLR 361, di ms 367, Mahkamah Rayuan Singapura memutuskan:

In our opinion, for a rape committed without any aggravating or mitigating factors, a figure of ten years imprisonment should be taken as the starting point in a contested case, in addition to caning. The court should then consider in turn the mitigating factors which merit a reduction of the sentence, of which a guilty plea which saves the victim from further embarrassment and suffering will be an important consideration and will merit a reduction of one-quarter to one-third of the sentence; and whether there were other factors such as the victim's youth or the accused person's position of responsibility and trust towards her, or perversions or gross indignities have been forced on the victim, which justify a longer sentence. (Penekanan ditambah.)

Dapatan mahkamah ini mengenai hukuman

[68] Berbalik kepada kes di hadapan mahkamah, mahkamah ini berpuashati hakim bicara telah mengambil kira prinsip-prinsip utama mengenai penghukuman (*sentencing principles*) sebelum menjatuhkan hukuman. Walaupun hakim bicara tidak memberikan alasan secara terperinci, hakim bicara telah mengambilkira bahawa kepentingan awam wajar diberi keutamaan melebih kepentingan tertuduh/perayu. Mangsa seorang yang naïf sebab di bawah umur, kesalahan ini adalah kesalahan yang serius dan juga kesalahan begini adalah berleluasa sekarang.

[69] Mahkamah ini juga mendapati hakim bicara tidak tersilap kerana telah mengambil kira juga mitigasi tertuduh/perayu khususnya bahawa ini merupakan kesalahan pertamanya.

[70] Setelah meneliti rekod rayuan, berpandukan prinsip-prinsip yang disebutkan di atas tadi dan trend hukuman dewasa in yang diputuskan oleh

mahkamah atasan, mahkamah mendapati bahawa mahkamah ini tidak mempunyai sebab untuk mengganggu dapatan hakim bicara mengenai hukuman ini kerana keputusan yang dibuatnya adalah betul, tepat dan selamat.

RAYUAN SILANG PENDAKWARAYA TERHADAP HUKUMAN SEBATAN

[71] Pendakwaraya telah memfailkan rayuan silang kerana tidak terdapat hukuman sebatan yang dikenakan.

[72] Mahkamah telah meneliti alasan penghakiman hakim bicara di mana hakim bicara menyatakan sebatan tidak dikenakan kerana tidak ada kekerasan yang digunakan tertuduh/perayu dan juga hukuman sebatan adalah tidak mandatori.

[73] Setelah meneliti hujahan kedua-dua pihak, mahkamah dapati bahawa alasan hakim bicara tersebut adalah silap. Sungguhpun kekerasan tidak digunakan dan ianya tidak mandatori, namun mahkamah masih ada budi bicara untuk mengenakan hukuman sebatan tersebut, bergantung kepada keadaan kes.

[74] Berdasarkan keadaan dan fakta kes ini, mahkamah ini bersetuju bahawa sebatan perlu dikenakan walaupun nominal untuk melambangkan keseriusan jenayah ini. Mahkamah ini telah membenarkan rayuan silang pendakwaraya dengan mengenakan hukuman satu sebatan bagi setiap pertuduhan.

KESIMPULAN

[75] Setelah meneliti rekod rayuan dan hujahan kedua-dua pihak, dan berdasarkan alasan-alasan dan dapatan mahkamah ini, mahkamah ini mendapati bahawa sabitan ini adalah betul dan selamat. Mengenai hukuman, mahkamah ini mendapati bahawa hukuman penjara yang dikenakan adalah wajar dan berpatutan dan telah mengikuti prinsip-prinsip penghukuman yang betul dan juga mengikut trend hukuman sekarang dan tidak perlu diganggu. Justeru itu, rayuan tertuduh terhadap sabitan dan hukuman ditolak dan keputusan hakim bicara dikekalkan. Mahkamah juga membenarkan rayuan silang pendakwaraya dan mengenakan hukuman satu sebatan bagi setiap pertuduhan sebagai tambahan kepada hukuman penjara yang dikenakan.

Rayuan tertuduh ditolak; keputusan hakim bicara dikekalkan; rayuan silang

pihak pendakwaan dibenarkan dengan mengenakan hukuman satu sebatan ke atas tertuduh bagi setiap pertuduhan.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar